UUM/AA49/_/25.09.2005/P.

Oleh
RAJA LUVENA
SHARIFUDDIN

KUALA LUMPUR 25 Sept. — Lapan tahun lalu, Miza Hiryani Zakaria, 28, menangguhkan hasrat melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi bagi memberi laluan kepada kakaknya terlebih dahulu mencapai cita-cita menjadi doktor.

Kematian bapa mereka menyukarkan keduaduanya melanjutkan pengajian serentak kerana ia melibatkan kos yang banyak dan dia terpaksa berkorban menangguhkan seketika impiannya untuk menjadi peguam.

Meskipun terlewat, hari ini, Miza Hiryani muncul sebagai Pelajar Terbaik Keseluruhan pada Majlis Konvokesyen Kesembilan Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) - kejayaan yang amat manis dan bermakna, balasan kepada pengorbanannya.

Dia kini melanjutkan pengajian dalam jurusan undang-undang di Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi mencapai cita-citanya dan memenuhi harapan bapanya.

Berhenti

"Bapa saya meninggal dunia pada waktu saya menerima keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan meninggalkan kami dua beradik di bawah jagaan nenek di Kuala Kedah. Emak dan bapa berpisah sejak kami kecil lagi.

"Oleh sebab kekurangan sumber kewangan, kami membuat keputusan untuk menumpu kepada pembiayaan pengajian kakak dahulu.

"Saya dan kakak (Miza Hiryanti, 30) putuskan salah seorang daripada kami harus berhenti dan bekerja terlebih dahulu. Kakak ketika itu sedang mengikuti matrikulasi, kami putuskan agar dia teruskan.

"Saya pula mula bekerja untuk mengumpul wang bagi pengajian saya kelak," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis itu di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini hari ini.

Pada majlis itu, Miza Hiryani ditemani kakaknya yang kini menyambung pelajaran di peringkat sarjana dalam bidang Internal Medicine di Universiti Sains Malaysia.

Miza Hiryani berkata, beliau mendapat pekerjaan di restoran makanan ringan A&W dan Hotel Park Avenue.

Setelah tujuh tahun berkerja, beliau berpeluang menyertai ITTAR Alor Setar di dalam jurusan Pengurusan Perniagaan dengan dibiayai wang hasil simpanannya dan kakaknya.

Wasiat

"Sepanjang pengajian, saya membentuk perhubungan yang begitu rapat dan mesra dengan semua pensyarah. Saya amat berterima kasih kepada mentor saya, Penolong Pengurus ITTAR Alor Setar, Nazri Musa yang banyak memberi sokongan moral dan akademik, seperti bapa saya sendiri," ujarnya.

Katanya, kemasukan ke ITTAR telah membuka langkahnya untuk mencapai cita-citanya.

Dia memberitahu, sebelum bapanya meninggal dunia beliau meninggalkan wasiat yang mahukan anak sulungnya menjadi pakar jantung dan anak bongsunya menjadi peguam.

"Inilah yang menjadi kata perangsang bagi saya dan kini saya sudahpun memasuki tahun pertama pengajian undang-undang di UUM," jelasnya.

Dia turut melahirkan minat untuk menceburi bidang politik selepas selesai pengajiannya itu kerana keinginannya membantu rakyat.

Beliau menambah, kesungguhan ini jugalah yang menjadi rahsia kejayaannya.

"Mungkin orang lain datang belajar kerana ibu bapa mereka suruh tetapi bagi saya ia adalah kerana saya mahu dan saya hendak," katanya lagi.